

Newspaper	Berita Harian
Date	18/3/2013

Oleh Veena Rusli, Hassan Omar, Wan Faizal Ismayatim, Junita Mat Rasid, Mohd Azrone Sarabatin, Suzianah Jiffar, Amin Ridzuan Ishak, Mohd Nasaruddin Parzi, Nurul Farina Nazlan, Nor Fariza Ramlian, Safeek Affendy Razali, Luqman Arif Abdul Karim, Mohd Izham Unnib Abdullah, Poliana Ronnie Sidom, Amir Mamat dan Fazridha Mustafa. bhnews@bharian.com.my



Anggota tentera dalam Ops Daulat di Sungai Merah berhampiran Kampung Tanduo.

Hapus penembak curi pengganas

BH - 18/3/2013

» 62 musuh dibunuh selepas pertempuran terbaru semalam

► Lahad Datu

Pertempuran terbaru berlaku di Kampung Tanjung Batu, FELDA Sahabat 22 dekat sini, semalam menyebabkan seorang lagi pengganas Sulu terkorban, menjadikan jumlah keseluruhan musuh yang terbunuh kepada 62 orang.

Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk

Seri Zulkiple Kassim, berkata dua pertempuran berlaku iaitu pada 9.55 pagi dan 10.15 pagi apabila pasukan keselamatan bertembung sekumpulan musuh di kawasan itu.

"Pada 10.15 pagi kita sekali lagi bertembung dengan musuh dan seorang daripada mereka berjaya dibunuh, manakala tiga yang lain melarikan diri," katanya dalam sidang media bersama Pesuruhjaya

Polis Sabah Datuk Hamza Taib di markas operasi FELDA Sahabat 16, di sini.

Giat jejak musuh

Zulkiple berkata, tiga lagi musuh itu dipercayai masih berada di kawasan Tanjung Batu dan pasukan keselamatan sedang giat menjejaki mereka, manakala mayat musuh yang dibunuh itu hanya akan dikeluarkan apabila keadaan benar-benar selamat.

"Penganas Sulu sudah berpecah kepada kumpulan kecil. Operasi menjejaki dan meng-

geledah di Kampung Tanjung Batu harus dilakukan berhati-hati kerana ada banyak rumah penduduk," katanya.

Beliau berkata, penembak curi penganas Sulu tidak melemahkan semangat pasukan keselamatan kerana pelbagai persediaan sudah dibuat bagi menanganinya.

"Kita sedia menghadapi penembak curi mereka. Kita tahu macam mana hendak menghapuskan mereka," katanya.

Sementara itu, Hamza berkata, jumlah pengganas Sulu berjaya dibunuh meningkat kepada 62 dengan 27 daripada mereka sudah dikeluarkan dari zon merah.

"Ada antara mayat berkeenaan tidak boleh dibawa keluar kerana sudah reput, terutama yang mati dalam pertempuran di Kampung Tanduo pada 1 Mac lalu," katanya.